

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 2000/2001

September/Okttober 2000

HIS 224 - Institusi Kekeluargaan Islam

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja. Semua soalan membawa markah yang sama.

1. Manusia secara fitrah mempunyai pelbagai naluri. Bincangkan perkaitan perkahwinan dan kekeluargaan menurut Islam dengan naluri-naluri yang ada pada diri manusia untuk kepentingan agama, masyarakat dan negara.

2. Huraikan perkara-perkara di bawah dengan terperinci, padat dan tepat menurut pandangan Islam.
 - a. Maksud al-Quran (al-Nisa:3) "Maka kahwinilah wanita yang kamu dapati ada kebaikan bagi kamu, sama ada dua atau tiga atau empat".
 - b. Maksud ayat yang sama: "Maka sekiranya kamu takut tidak dapat berlaku adil maka cukuplah dengan memiliki seorang isteri sahaja".

3. Mengapakah Islam memperuntukkan pertunangan sebelum perkahwinan? Bilakah masa yang baik untuk memulakan pertunangan? Huraikan pandangan syarak mengenai batasan-batasan pergaulan bagi pasangan yang bertunang.

4. Jawab soalan-soalan di bawah:
 - a. Huraikan dalil syarak yang menyatakan Islam menggalakkan umatnya memilih pasangan hidup yang didasar kepada harta, keturunan, kecantikan dan agama.
 - b. Apakah hikmah di sebalik maksud sabda Rasulullah s.a.w. "Keizinan anak dara pada perkahwinannya dengan menunjukkan keadaan diam tanpa bercakap sesuatu".
5. Nyatakan perbezaan di antara perceraian secara "talak" dan "fasakh" menurut pendapat Mazhab Syafie, Mazhab Maliki dan Mazhab Hanbali.
6. Huraikan dengan jelas pandangan Islam bagi perkara-perkara di bawah.
 - a. Hafsa dipaksa oleh bapanya berkahwin dengan seorang lelaki yang ia (Hafsa) tidak mengenalinya.
 - b. Semasa 'Umar bertunang dengan Jamilah ia memberi berbagai hadiah kepadanya. Pertunangan mereka berdua terputus dan mereka tidak jadi berkahwin.
 - c. Hawa menceraikan 'Uthman suaminya dengan talak satu.
 - d. Ibu Ali tidak suka kepada Aminah isterinya. Ia memaksa Ali menceraikan Aminah.